

Siaran Akhbar

Untuk Siaran Segera



KENYATAAN MEDIA

FELCRA BERHAD MENCATAT LONJAKAN

146% KEUNTUNGAN INTERIM 1/2021

63,353 Peserta Projek FELCRA bertaraf untung menerima agihan RM78.4 juta

Kuala Lumpur, 20 Ogos 2021 – FELCRA Berhad (“FELCRA”) hari ini mengumumkan keuntungan Interim 1/2021 berjumlah **RM 135,150,747.66**, bagi tempoh kewangan 1 Januari 2021 hingga 30 April 2021 untuk projek-projek Penyatuan dan Pemulihan (P&P) FELCRA.

Keuntungan yang dijanakan adalah 146% atau RM80,222,647.66 lebih tinggi berbanding dengan keuntungan yang direkodkan dalam interim yang sama pada tahun 2020, iaitu RM54,928,100.00.

Daripada jumlah keuntungan tersebut, sejumlah RM 74,307,892.49 akan diagihkan sebagai Agihan Interim 1/2021 secara berperingkat bermula 23 Ogos 2021 ini, kepada 63,353 Peserta dari 656 projek yang mencatatkan keuntungan. Manakala, Agihan Bulanan berjumlah RM4,167,974.52 telah dibayar untuk tempoh Januari hingga April 2021, menjadikan jumlah besar bayaran Agihan Interim 1/2021 tercatat sebagai RM78,475,867.01. Seperti tahun-tahun sebelum ini, baki Lebihan Keuntungan akan dibayar bersama Agihan Akhir tahun 2021 setelah penyelarasan akaun dan tabungan dibuat.

--

YB. Tuan Haji Yamani Hafez Musa, Pengerusi, FELCRA Berhad:

"Meskipun negara terus mengalami pelbagai kekangan akibat pandemik Covid-19, pihak pengurusan dan warga kerja FELCRA telah berjaya melaksanakan tanggungjawab kami kepada Para Peserta untuk menjanakan pendapatan yang optimal bagi Projek Peserta. Komitmen tersebut serta dorongan harga komoditi yang lebih tinggi menghasilkan bayaran keuntungan yang lebih positif berbanding Interim 1/2020.

Alhamdulillah, bagi tempoh Januari hingga April 2021, dari jumlah keuntungan yang dijanakan, RM78.4 juta diagihkan kepada Peserta yang layak berbanding agihan RM30.3 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 2020. Jumlah ini termasuk Agihan Bulanan yang telah dibayar bagi tempoh Januari hingga April 2021.

Matlamat utama kami sentiasa berpaksikan kesejahteraan Warga Peserta secara umum, dan menjadi harapan kami agar agihan keuntungan yang diterima ini dapat mengurangkan bebanan kewangan mereka.

Sekalung penghargaan dari kami di FELCRA Berhad buat YB Datuk Dr Abd Latiff Ahmad, Mantan Menteri Pembangunan Luar Bandar, yang sentiasa menyokong, mendorong, menasihati dan mendoakan segala usaha transformasi dan pemulihan FELCRA, demi memacu komitmen kami ke arah memperjuangkan tanggungjawab mandat sosial kepada Para Peserta di seluruh Negara, dan tanggungjawab komersil kepada Para Pemegang Taruh jua.

InshaaAllah, setiap usaha beliau diharap menjadi legasi dan inspirasi kepada Warga Kerja FELCRA Berhad untuk terus berbakti dengan lebih baik kepada Masyarakat Luar Bandar.

En. Mohd. Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, FELCRA Berhad:-

"Di sebalik kadar keuntungan yang lebih baik bagi Interim 1, kami tetap akur akan beberapa faktor yang memerlukan lagi penambahbaikan seperti kadar produktiviti dan kos operasi ladang Peserta.

Walaupun bagaimanapun, pelbagai usaha transformasi Syarikat sejak tahun 2018 telah memberikan impak positif kepada kadar keuntungan, sebagai contoh implementasi konsep GAP (Good Agricultural Practices) atau Praktik Agrikultur Terbaik di dalam proses harian pengurusan estet.

Antara langkah yang telah diambil adalah pengubahan sistem penuaian kepada Sistem D10 yang menyelaraskan aliran kerja ke arah produktiviti lebih tinggi, yang berjaya menghasilkan kualiti kerja, kualiti hasil tuaian dan tahap keselamatan yang lebih baik secara menyeluruh. Pada masa yang sama, pengurusan saluran air di estet-estet di bawah pengurusan FELCRA turut telah ditambahbaik. Seterusnya, kami turut memperkenalkan pelbagai jenis mekanisasi seperti sizer lift, agile tractors dan jentera semut untuk memudahkan dan mempercepatkan kerja penuaian. Kami juga telah mempelopori sistem penyelenggaraan berkala untuk setiap kenderaan digunakan dan infrastruktur jalan di setiap estet, untuk memastikan ianya sentiasa di dalam keadaan yang baik dan tidak mengalami kerosakan yang boleh melengahkan dan memberi impak negatif kepada proses kerja.

FELCRA juga terus menyediakan peluang pekerjaan di estet-estet demi membina kepakaran penuaian di kalangan modal insan tempatan, di mana 2,500 Harvest Operators dijangka diperlukan di seluruh Negara untuk memenuhi keperluan penuaian dan pengurusan pokok.

Pengolahan optimal proses perniagaan perladangan Peserta dan Komersil FELCRA juga memberikan impak positif dari segi pengurusan kewangan, pelaporan, pengurusan pembajaan dan lain-lain proses aliran kerja yang berkaitan pengurusan operasi harian.

InshaaAllah, dengan komitmen setiap Warga Kerja FELCRA terutamanya dalam mendukung transformasi menyeluruh Syarikat, kami akan gigih meningkatkan lagi usaha kami ke tahap lebih efektif dan efisien.

Semoga Agihan Interim 1/2021 dan Agihan Bulanan bagi tempoh Januari hingga April 2021 ini memberikan kelegaan dan kemudahan buat Para Peserta yang layak''.

- Tamat -

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Unit Brand dan Komunikasi
FELCRA Berhad
PER: **En. Aditya Adri Saleh Ab Rahim**
Pengurus Besar Brand dan Komunikasi
adit@felcra.com.my
+6013 – 666 6667

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
PER: **Pn. Norainis Mohd Noor**
Ketua Komunikasi Korporat
norainis@rurallink.gov.my
+603 8891 5944

Mengenai FELCRA Berhad

FELCRA Berhad merupakan sebuah Syarikat Korporat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan), dan dibawah penyeliaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

FELCRA asalnya telah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai badan berkanun, dan dikenali sebagai Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah atau Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA). FELCRA dipertanggungjawab untuk memajukan kawasan luar bandar dengan membuka peluang kepada masyarakat luar bandar menyertai aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan.

Pada tahun 1997, FELCRA telah dikorporatkan dan bertukar status daripada badan berkanun kepada sebuah entiti Syarikat Korporat milik penuh Kerajaan.

Kini, FELCRA Berhad menelusuri beberapa bidang perniagaan secara proaktif seperti perladangan, pembajaan, hartanah dan pembinaan, pendidikan dan penghasilan makanan termasuk ternakan tenusu.

Visi FELCRA Berhad adalah untuk menjadi Organisasi Perusahaan Sosial Termantap (social enterprise powerhouse) dalam sektor pertanian dan makanan demi mencapai misinya, iaitu untuk menjaga kepentingan ekonomi dan sosial Para Pesertanya serta mengaplikasi agri-teknologi dalam mempelopori agenda Dasar Jaminan Makanan Negara.

Terkini, FELCRA Berhad telah memajukan seluas 220,086 hektar ladang bagi pihak 112,479 orang Peserta merangkumi 1,420 Projek Penyatuan dan Pemulihan, serta 33,145 hektar estet milik syarikat FELCRA Berhad.